

Jakim arah majlis agama perketat peraturan guna masjid

13

BUKIT KAYU HITAM, Ahad – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengarahkan semua Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri memperketat peraturan penggunaan dan pengurusan masjid bagi memastikan ia tidak dijadikan pentas politik.

Arahan itu adalah sebahagian daripada strategi mengelakkan masjid daripada dijadikan tempat menabur fitnah dan pemboghongan parti pembangkang terhadap kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata langkah itu penting kerana kempen parti pembangkang menggunakan

masjid mengakibatkan fahaman politik penyokongnya berubah kepada berbentuk akidah.

Beliau berkata, antara fahaman terbabit ialah kepercayaan bahawa jika tidak menyokong, mereka tidak akan dimasukkan ke syurga, pada hal ia adalah pemboghongan yang hanya bertujuan meraih sokongan politik.

Sehubungan itu, setiap YDP Majlis Agama Islam diminta tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang dibuktikan menggunakan masjid untuk menabur fitnah dan pemboghongan politik.

“Kempen politik sudah meningkat kepada soal akidah, bukan politik lagi. Ini

adalah fitnah dan buruk dalam Islam.

“Kita dah setuju untuk perketatkan pengurusan masjid kerana rata-rata laporan yang kita dapat daripada orang ramai, ucapan di masjid bukan agama tetapi ucapan yang menaikkan parti politik.

“Yang berlaku sekarang, apabila orang hendak solat terawih, masa itulah dia ambil peluang untuk bersyarah politik. Jakim sudah meminta majlis agama memantau kerana ia adalah perkara serius,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian buah tamar kepada agensi kerajaan Malaysia dan pegawai agama lima wilayah

di selatan Thailand iaitu Yala, Narathiwat, Satun, Sadao dan Pattani di Kompleks Jabatan Imigresen, di sini hari ini.

Abdul Hamid berkata, parti pembangkang perlu menghormati tindakan Umno yang tidak menggunakan masjid sebagai pentas politik walaupun institusi itu kebanyakan dibina melalui peruntukan kerajaan.

“Umno tak guna masjid untuk politik walaupun banyak masjid milik kerajaan. Kalau Umno boleh ikut peraturan, parti pembangkang juga kena ikut peraturan,” katanya.

Pertengahan bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyelar

golongan menggunakan masjid untuk tujuan politik.

Untuk mengekang gejala itu, kerajaan akan mengelakkan surau dan masjid digunakan sebagai tempat menabur fitnah dan pemboghongan untuk kepentingan politik.

Menurut Dr Mahathir, sebagai tempat beribadat dan merapatkan hubungan silaturahim umat Islam, masjid tidak seharusnya dicemarkan dengan kegiatan seumpama itu.

Perangkaan Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi pula mendapati kira-kira 90 peratus surau dan masjid di seluruh negara digunakan Pas untuk menabur fitnah.